

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Influenza A

Sekolah dibenar tutup jika wabak makin serius

Pengetua, guru besar perlu rujuk pegawai kesihatan, jabatan pendidikan

Oleh Mohamed Farid Noh
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Pentadbiran sekolah dibenarkan menutup sekolah masing-masing jika wabak Influenza A semakin serius dan menular menjangkiti ramai murid mereka.

Kuasa kepada pengetua dan guru besar untuk mengambil tindakan berkenaan bagaimanapun tertakluk kepada prosedur tertentu yang turut membabitkan pihak berkuasa kesihatan serta jabatan pendidikan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching, berkata pentadbiran sekolah mesti mendapat nasihat pegawai kesihatan daerah yang memantau penularan penyakit itu, selain merujuk kepada jabatan pendidikan negeri masing-masing.

"Tempoh penutupan pula atas nasihat pejabat kesihatan daerah, manakala murid yang dijangkiti diberi cuti sakit bergantung kepada tahap keseriusan penyakit. Langkah menutup sekolah atau kelas jika diambil, antara lain adalah juga untuk kerja pembersihan bagi mengawal wabak daripada merebak," katanya.

Beliau yang memaklumkan demikian kepada *BH*, turut menjelaskan bahawa tindakan menutup sekolah atau kelas perlu diambil bagi memastikan tiada murid, pelajar, guru mahu pun kakitangan sekolah terjejas dengan wabak berkenaan.

Terdahulu pada sidang media selepas merasmikan majlis penyerahan bantuan persekolahan SWM Environment Sdn Bhd kepada murid dari keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di Kulai, Nie Ching berkata, belum ada sekolah dinasihatkan ditutup akibat Influenza A setakat ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kulai berkata, Kementerian Pendidikan bekerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan dalam isu penularan wabak itu di sekolah, termasuk mengambil tindakan menutup sementara sekolah atau kelas sekiranya perlu.

"Setakat ini, kita belum menerima nasihat daripada Kementerian Kesihatan untuk menutup mana-mana sekolah walaupun ada murid di Pulau Pinang dan Pahang disahkan dijangkiti virus Influenza A.

"Setakat ini, hanya dua kelas

Influenza

Gejala utama seperti demam, selesema, sakit tekak, batak

Menyebabkan demam selesema ringan kepada orang biasa

Langkitan disebabkan virus Influenza bermusim

Boleh akibatkan langkitan teruk terhadap kumpulan berisiko tinggi seperti

warga tua, wanita hamil, kanak-kanak, berpenyakit kronik

Jenis-jenis Influenza

3 jenis virus Influenza, A, B dan C

Jenis A, B paling kerap jangkiti manusia, berlaku sepanjang tahun di negara tropikal seperti Malaysia

Jenis A (H1N1) boleh jangkiti manusia dan haiwan, epidemik sangat teruk dan amat berbahaya

Virus B hanya ditemui dalam kalangan manusia, jangkitan mungkin lebih ringan berbanding virus A, namun masih berpotensi menyebabkan penyakit, simptom teruk

Virus C menyebabkan penyakit paling ringan, kadangkala orang dijangkiti tidak menunjukkan sebarang tanda atau simptom

dan pentadbiran sekolah lebih prihatin jika murid sekolah mereka mengalami simptom Influenza A.

"Nasihatkan mereka tidak perlu ke sekolah, tetapi berehat di rumah dan dapatkan rawatan segera," katanya.

Di Kuala Selangor, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, ketika ditemui media memaklumkan kementerianya sudah mengarahkan pegawai kesihatan daerah memantau ke-

adaan di sekolah yang muridnya dikesan dijangkiti Influenza.

Kementerian juga, katanya, mengingatkan pihak sekolah supaya sentiasa membuat pemantauan berhubung jangkitan wabak itu sebagai langkah memastikan kesihatan murid sentiasa terjamin.

"Kita turut mengingatkan supaya pihak sekolah mengambil langkah sepatutnya supaya penularan wabak terbahit dapat dibendung," katanya selepas me-

nyampaikan sumbangan barang keperluan asas kepada 170 warga emas sempena sambutan Tahun Baharu Cina, semalam.

Mengesahkan jangkitan Influenza A yang dikesan di beberapa sekolah, termasuk di Selangor masih terkawal dan tiada arahan penutupan sekolah setakat ini, Dr Dzulkefly menasihatkan masyarakat agar tidak khuatir kerana bekalan ubat-ubatan untuk merawat, termasuk di klinik swasta mencukupi.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Influenza A

MMA dakwa klinik swasta kekurangan bekalan vaksin

Kementerian Kesihatan jamin masalah sudah selesai, bekalan cukup

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mendakwa klinik swasta berdepan kekurangan kritikal bekalan vaksin untuk pencegahan influenza daripada empat syarikat pembekal utama.

Presiden MMA, Dr N Ganabaskaran, mendakwa kekurangan vaksin 'flu' itu adalah ke-

rana klinik swasta tidak diberi keutamaan untuk mendapatkan bekalan vaksin berkenaan, berbanding hospital swasta.

"Setiap kali berlaku kekurangan bekalan vaksin, doktor klinik swasta (GP) adalah yang terakhir menerima bekalan jika masih ada stok. Biasanya, keutamaan diberikan kepada hospital awam disusuli hospital swasta, manakala bakinya kepada kira-kira 7,000 GP yang lebih mudah diakses rakyat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Ganabaskaran menegaskan, hospital swasta sepatutnya menumpukan pada penjagaan sekunder dan tertier selaras Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta.

"Pembekal perlu beri keutamaan kepada GP sebagai yang pertama bertemu pesakit dan lebih dekat dengan komuniti, namun

realitinya itu tidak berlaku," katanya sambil memaklumkan, GP menerima 70 juta lawatan setahun dan 80 peratus pesakit berulang serta majoriti golongan berkeluarga.

Katanya, MMA berharap pembekal akan memainkan peranan lebih proaktif setiap kali berlaku peningkatan kes penyakit tertentu yang boleh diatasi oleh penjagaan primer.

"Keperluan pesakit perlu diberi keutamaan. Kemudahan akses penjagaan kesihatan akan meningkatkan kecekapan, seterusnya tahap perkhidmatan kesihatan di negara ini," katanya.

Sistem fasiliti penjagaan kesihatan di Malaysia terbahagi kepada tiga peringkat iaitu primer, sekunder dan tertier.

Fasiliti kesihatan primer berfungsi menyaring kesihatan individu dan memberikan rawatan

awal bagi penyakit kronik serta penyakit akut. Fasiliti kesihatan sekunder dan tertier pula berfungsi memberikan rawatan lanjut kepada pesakit sekiranya rawatan yang diperlukan tidak dapat disediakan fasiliti kesihatan primer.

Di Kuala Selangor, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata sebelum ini mungkin berlaku kekurangan stok vaksin bagi pencegahan influenza, namun ia sudah diatasi.

"Pada awalnya, mungkin berlaku kehabisan stok di fasiliti kesihatan swasta, tetapi perkara ini telah kita atasi. Kita jaminan stok vaksin influenza ini mencukupi bagi memenuhi permintaan di negara ini," katanya pada sidang media selepas majlis sambutan kepada fakir miskin sempena Tahun Baharu Cina, semalam.



MMA berharap pembekal akan memainkan peranan lebih proaktif setiap kali berlaku peningkatan kes penyakit tertentu yang boleh diatasi oleh penjagaan primer. Keperluan pesakit perlu diberi keutamaan.

Dr N Ganabaskaran,
Presiden MMA

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : WABAK SEMAKIN MENULAR

Pegawai kesihatan pantau sekolah



Dr Dzulkefly (kiri) menyampaikan sumbangan kepada penerima pada Majlis Sumbangan Fakir Miskin Sempena Perayaan Tahun Baru Cina di Tokong Tian Hock, Kuala Selangor semalam.

Kementerian berusaha kekanak wabak influenza daripada terus merebak

KUALA SELANGOR

Pegawai kesihatan daerah kini memantau keadaan di sekolah-sekolah yang dikesan wujud jangkitan influenza A sebagai usaha mengekang penularan wabak tersebut dalam kalangan pelajar.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kementerian sentiasa mempertingkatkan aktiviti pemantauan secara berterusan terutama di lokasi yang lebih terdedah dengan penyakit itu.

“Kita turut mengingatkan supaya pihak berkenaan di fasiliti (sekolah) mengambil langkah sepatutnya supaya penularan wabak tersebut dapat dibendung,” kata Ahli Parlimen Kuala Selangor itu pada sidang akhbar selepas majlis sum-

bangkan untuk fakir miskin sempena Tahun Baru Cina di Tokong Tian Hock di sini semalam.

Ditanya mengenai isu kehabisan stok bekalan vaksin influenza, Dr Dzulkefly berkata, setakat ini bekalan vaksin itu mencukupi.

“Pada peringkat awal mungkin berlaku kehabisan stok di fasiliti kesihatan swasta tetapi perkara ini telah kita atasi.

“Kita memberi jaminan bahawa stok vaksin influenza ini mencukupi bagi memenuhi permintaan di negara kita,” katanya.

Influenza merupakan jangkitan dengan gejala utama seperti demam selesema, sakit tekak, batuk dan gejala lain seperti sakit kepala, sakit otot, sakit sendi dan kelesuan.

Wabak yang disebabkan virus influenza bermusim itu hanya menyebabkan demam selesema ringan kepada orang biasa tetapi boleh mengakibatkan jangkitan yang teruk terhadap kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga tua, wanita mengandung dan mereka yang mempunyai penyakit kronik.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : WABAK SEMAKIN MENULAR

Tiada wabak influenza di Terengganu

KUALA TERENGGANU - Tiada wabak influenza (ILI) dilaporkan di Terengganu setakat ini sepertimana yang berlaku di beberapa negeri lain, kata Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr Nor Azimi Yunus.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memantau kes influenza melalui dua kaedah iaitu de-

ngan pengambilan sampel di klinik sentinel dan memantau surveilan kes di semua klinik kesihatan dan hospital.

“Berdasarkan pemantauan surveilan kes ILI di semua klinik kesihatan dan hospital di Terengganu, didapati belum ada wabak sebegitu hingga memerlukan sekolah mahupun taska ditutup,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Inspektor kesihatan disangka penjenayah

Public Health Malaysia
3 hrs

Terdapat 2 kes Malaria di laporkan di sebuah kawasan perumahan di Cheras. Bukan denggi ya, tapi malaria!

Apabila Pejabat Kesihatan menerima pelaporan kes di sesebuah lokasi, anggota kesihatan akan dikerahkan untuk membuat Active Case Detection (ACD).

Mereka perlu pergi dari rumah untuk mengesan mana mana penduduk yang MUNGKIN telah dijangkiti virus maut itu, tetapi masih belum mendapat rawatan. ... See more

As usual they disappeared quickly without getting any info from me.
My neighbor gave their info, unknowingly, claimed they never go to Malay houses.



**Kisah Inspektor Kesihatan
Disebalik Pagar**

"Walaupun provokasi dilakukan... mereka masih mampu tersenyum dan memberi nasihat kesihatan kepada"

Paparan Facebook Public Health Malaysia menafikan dakwaan bahawa dua anggota terbabit menipu.

CHERAS - Pihak berkuasa menafikan dakwaan dua inspektor kesihatan yang gambar mereka tular di media sosial kononnya adalah penjenayah yang menyamar untuk melakukan penipuan di sebuah kawasan perumahan di sini.

Sebaliknya, menurut kenyataan yang dimuat naik di Facebook Public Health Malaysia semalam, kedua-dua lelaki tersebut merupakan Pembantu Kesihatan Awam yang melakukan pengesanan kes aktif selepas menerima laporan dua kes malaria di kawasan berkenaan.

"Mereka pergi dari rumah ke rumah untuk mengesan penduduk yang mungkin telah dijangkiti virus maut berkenaan namun masih belum mendapatkan rawatan.

"Malang buat dua anggota ini apabila mereka bukan sahaja tidak diberi kerjasama, malah gambar mereka telah dirakam dan ditularkan sebagai penjenayah yang cuba melakukan penipuan," kata kenyataan tersebut.

Lebih malang, anggota itu juga didakwa menyasarkan rumah penduduk daripada kaum tertentu.

"Tugas penjawat awam telah diganggu, provokasi telah dilakukan.

"Gambar dan berita palsu melibatkan dua anggota ini telah tersebar luas di media sosial hingga reputasi, imej dan identiti mereka tercalar. Motivasi dan kesihatan mental mereka pula mungkin telah terjejas.

"Justeru itu, dengan kesalahan dan implikasi ini, sudah cukup untuk pihak pejabat kesihatan daerah mengambil tindakan undang undang terhadap pihak penyebar dan memastikan imej anggota tersebut dipulihkan," jelas kenyataan tersebut.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

Minister: No shortage of Influenza A vaccine

KUALA SELANGOR: The Health Ministry has refuted claims that there is a shortage of Influenza A vaccines, saying cases of low supply may have occurred only in the private sector during the early stages of the outbreak.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the issue had been resolved.

"We have overcome what was said as a shortage of vaccines (at that point). This is mentioned in the official statement by the (Health) director-general (Datuk Dr Noor Hisham Abdullah).

"There is no shortage of the vaccine. Pharmaniaga has assured us that there will not be any disruption in the supply of the vaccine."

Dr Dzulkefly, who is Kuala Selangor member of parliament, was speaking after handing over Chinese New Year necessities and red packets to 170 underprivileged senior citizens at Tian Hock Temple in Pekan Lama Kuala Selangor.

Present was Bukit Malawati assemblyman Juwairiya Zulkifli.

Dr Dzulkefly said the ministry would monitor the situation and efforts to prevent the outbreak from spreading were being implemented, especially at entry points into the country.

He said no school had been closed due to influenza yet and precautionary measures were in place to prevent an outbreak.

"We have heightened awareness and have asked district health officers to be alert, besides activating our medical facilities."

On Thursday, the Free Malaysia Today portal reported that some government hospitals and major private hospitals in

the Klang Valley had turned away those with Influenza A.

Some hospitals were quoted as saying they were awaiting a fresh supply of anti-influenza drugs.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye was quoted as saying that while some private hospitals were awaiting a fresh supply of drugs, government hospitals faced no shortage.



Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

17 active chikungunya outbreak localities identified

IPOH: There are now 17 active chikungunya outbreak localities in the state, says Perak Health Department director Datuk Dr Ding Lay Ming.

They included six areas – Temoh, Tapah, Tapah Road, Kampung Baru Chenderiang, Kampung Baru Coldstream and Taman Megah, Bidor – in Batang Padang district, she said.

Other districts, Dr Ding added, included Larut, Matang and Selama (Pokok Assam Zon 2, Taman Assamara, Taman Juta, Taman Lela and Kampung Assam Kumbang), Kampar (Kampung Baru Kopisan, Estat Hong Chan and Kampung Baru Malim Nawar) and Kuala Kangsar (Taman Tun Sambanthan A, Taman Tun Sambanthan B and Taman Tun Sambanthan C).

“As of Jan 8 this year, there have been some 30 chikungunya cases, with no deaths reported.

“The outbreak of chikungunya started in February last year.

“In total, there were 634 reported cases in 60 localities last year,” she said in a statement yesterday.

“

As of Jan 8 this year, there have been some 30 chikungunya cases, with no deaths reported.

Datuk Dr Ding Lay Ming

”

No deaths were recorded last year.

Dr Ding also clarified that there were no cases reported in Kampong Padang Asam, Padang Rengas and Kuala Kangsar, as viralled on social media recently.

She noted that the main cause of the outbreak was the high index rate of Aedes mosquito breeding.

“Among the places found to be breeding mosquitoes were illegal dumpsites, empty lots, abandoned houses, drains that were not properly maintained, and open containers near houses.

“We conducted search and destroy activity at 33,044 open areas, and private and commercial premises, of which 661 premises were found to be breeding mosquitoes,” she revealed.

Among them, 163 compounds and 67 clean-up notices were issued by enforcement officers to owners of premises.

For details on chikungunya and dengue, visit www.moh.gov.my, <http://idengue.arsm.gov.my> or CPKC Kebangsaan, the Health Ministry's Facebook page.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Schools being monitored for Influenza A'

KUALA SELANGOR: District health officers are now monitoring schools identified with Influenza A outbreaks in order to control the spread of the infection among students, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said schools were also reminded to constantly monitor the situation to ensure the health of their students.

"We are also urging schools to take the necessary measures to prevent the spread of the infection," Bernama quoted him as saying after delivering a donation of basic necessities to 170 senior citizens from the Chinese community in conjunction with the Chinese New Year celebration at Tian Hock Temple here.

Dzulkefly said the infections that had been detected in several schools, including those in Selangor, were under control and no instructions for school closure had been made so far.

"The public need not worry because the medication to treat influenza is sufficient, including at



Killing the germs: Classrooms being sanitised after an Influenza A outbreak in Penang in this file picture.

private clinics," he said.

Symptoms of influenza include persistent high fever, cough, fatigue,

joint and muscle pain, and sore throat.

Those in the high-risk groups are

children, pregnant women, senior citizens over the age of 65 and those with chronic illnesses.

Meanwhile, Deputy Education Minister Teo Nie Ching said on five pupils of SJK (C) Li Hwa Butterworth, Penang, tested positive for Influenza A.

They were among 19 pupils who were suspected to be infected with Influenza A virus, prompting the district health department to order the school to close two Year Two classrooms last Wednesday.

Teo said the ministry was working closely with the Health Ministry to prevent the virus from spreading among students.

"No schools have been advised to shut so far.

"We will only do so based on recommendation by the respective district health office," she said after launching a back-to-school programme near Kulai in Johor.

Teo urged parents and teachers to remain vigilant and quickly take their children for treatment if they start to show symptoms of influenza.